

NO. SOALAN: 28

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah produk dalam pasaran Malaysia yang telah mendapat Sijil Halal berbanding yang tidak mendapat Sijil Halal; dan
- (b) apakah jumlah tersebut telah mencapai 100 % keperluan pensijilan halal bagi semua jenis produk dalam pasaran Malaysia.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini jumlah syarikat yang mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia ialah sebanyak **8,875** buah syarikat dan jumlah produk yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah sebanyak **140,857**. Manakala jumlah premis makanan atau restoran yang mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah sebanyak **1,741**. Jumlah produk tersebut adalah merangkumi pelbagai kategori iaitu produk makanan, minuman, makanan tambahan, premis makanan termasuk restoran, dapur hotel, rumah sembelih, farmaseutikal, kosmetik, barang dandanan diri dan perkhidmatan yang berkait dengannya seperti penggudangan dan pengangkutan.

Oleh kerana bukan semua produk perlu didaftarkan untuk berada di pasaran, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak dapat membuat perbandingan peratus produk yang mendapat sijil halal dan tidak mendapat sijil halal.

- b) JAKIM menyedari bahawa masih banyak produk di pasaran yang belum mendapat sijil halal, namun usaha berterusan dilakukan bagi meningkatkan permohonan sijil halal melalui sesi penerangan, promosi dan kerjasama dengan agensi-agensi pembimbing seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut

Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Majlis Amanah Rakyat (MARA dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Usaha ini diharap dapat mempertingkatkan jumlah pemegang sijil halal bagi semua jenis produk yang diperlukan oleh pengguna.

Sekian, terima kasih.